Manfaatkan MySejahtera bendung penularan Mpox

Profesor di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Timbalan Pengerusi Kluster Teknologi Komunikasi Dan Maklumat (ICT), Majlis Profesor Negara

Prof Dr Rusli Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Mungkin ramai sudah lupa mengenai MySejahtera yang pernah menjadi aplikasi digunakan setiap hari ketika pandemik COVID-19, tetapi tiba masanya untuk kita membiasakannya semula ekoran penularan cacar monyet atau Mpox yang membimbangkan kerana kesannya boleh membawa kematian.

MySejahtera dapat membantu semua pihak, termasuk pengguna akhir dalam membuat persediaan dan pemantauan Mpox secara kawalan kendiri.

Dengan fungsi tambahan dimasukkan dalam MySejahtera, diharapkan membantu pengguna akhir agar persiapan atau persediaan awalan mencegah penularannya lebih berkesan.

Ini memerlukan penggunaan MySejahtera dioptimumkan, sekali gus menyokong langkah kerajaan dalam usaha digitalisasi urusan, termasuk berkaitan hal ehwal kesihatan terutama memantau dan mengawal jangkitan Mpox.

Fungsi MySejahtera boleh diperluas dengan memasukkan ciri pengesanan awal bagi penyakit cacar monyet supaya pengguna menunjukkan gejala seperti ruam, demam dan pembengkakan nodus limfa boleh melaporkannya dengan dilengkapi saranan menjalani ujian di fasiliti kesihatan terdekat.

Selepas ujian dijalankan, keputusan boleh dimuat naik ke MySejahtera untuk memaklumkan pengguna mengenai status kesihatan dan memberi garis panduan mengenai langkah atau mengambil tindakan seterusnya bersesuaian.

Antara kekuatan MySejahtera adalah kemampuan menjejaki kontak rapat. Apabila seorang pengguna disahkan positif, sistem secara automatik boleh memberi amaran kepada individu mungkin berhubung dengan pesakit berkenaan berdasarkan lokasi dan interaksi sebelumnya.

Bagi merealisasikan penggunaan sistem aplikasi MySejahtera sebagai alatan sokongan kesihatan dan dapat dioptimumkan, ada isu dan cabaran perlu ditangani dengan berkesan.

Apatah lagi, ia membabitkan maklumat kesihatan pengguna yang perlu dikendalikan dengan tahap kerahsiaan tinggi untuk mengelakkan penyalahgunaan dan melindungi hak individu.

Bagaimanapun, kerajaan disarankan memperkasa MySejahtera sebagai alatan kawalan kendiri bagi Mpox kerana ia langkah strategik dapat memperkukuh keupayaan negara dalam menangani penyakit berjangkit.

Dengan memanfaatkan fungsi sedia ada dan memperkenalkan fungsi baharu disesuaikan untuk Mpox, aplikasi ini boleh menjadi alat berkesan dalam mengesan kes, menjejaki kontak dan memberikan panduan pengurusan kesihatan tepat kepada rakyat.

Ini akan meningkatkan kecekapan respon kesihatan awam dan membantu mencegah penularan penyakit secara meluas.

Malah, MySejahtera sebagai alat kawalan kendiri juga dapat mendidik masyarakat mengenai Mpox dan meningkatkan kesedaran terhadap langkah pencegahan.

Aplikasi ini dapat memastikan pemantauan gejala berterusan dan pengesanan kes secara proaktif yang penting untuk mengawal wabak. Dengan adanya sistem pemantauan kukuh, pihak berkuasa kesihatan dapat bertindak balas dengan lebih cepat dan tepat, sekali gus mengurangkan impak kesihatan awam.

Bagaimanapun, bagi memastikan keberkesanan MySejahtera dalam kawalan Mpox, perlindungan data peribadi serta kerahsiaan maklumat kesihatan perlu diutamakan.

Dengan keyakinan pengguna tinggi terhadap keselamatan data mereka, aplikasi ini boleh digunakan secara meluas, seterusnya menyumbang kepada usaha negara mengawal penularan Mpox dan melindungi kesejahteraan masyarakat.